



KENYATAAN MEDIA JABATAN AUDIT NEGARA

PEMBETULAN BERHUBUNG ARTIKEL:

1. **INCREASED NATIONAL DEBT NOTHING TO WORRY ABOUT, SAYS AUDITOR-GENERAL**
2. **KETUA AUDIT NEGARA: PENYATA KEWANGAN STABIL MESKI HUTANG MENINGKAT**

1. Jabatan Audit Negara (JAN) ingin merujuk kepada laporan media yang dikeluarkan oleh sebuah portal berita dalam talian pada 10 Oktober 2023 bertajuk "***Increased National Debt Nothing To Worry About, says Auditor-General***" dan "***Ketua Audit Negara: Penyata Kewangan stabil meski hutang meningkat***".
2. Ketua Audit Negara (KAN) tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti yang dilaporkan bahawa "Increased National Debt Nothing To Worry About" atau "memberi jaminan bahawa peningkatan hutang negara bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan."
3. Sila rujuk kepada kenyataan akhbar KAN yang telah diedarkan pada 10 Oktober 2023 di mana KAN telah mengeluarkan Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain (*Unqualified with Other Matter paragraph*). Semasa Sidang Media yang diadakan pada hari yang sama, KAN menyatakan sijil tersebut diberikan kerana kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya (2021) disebabkan beberapa perkara telah ditambah baik oleh Pihak Berkuasa Kewangan.
4. Antara lain, KAN juga telah membuat tiga (3) syor dalam LKAN tersebut untuk mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasa usaha penjana hasil dan pemantauan bayaran balik pinjaman. Selain itu, Pihak Berkuasa Kewangan juga perlu memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan bagi projek-projek fizikal dan bukan fizikal di bawah Rancangan Malaysia. Setiap pelaporan dan perubahan dalam item penyata kewangan juga perlu selaras dengan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan semasa.

JABATAN AUDIT NEGARA
10 OKTOBER 2023